

10/07/2004

Mukhriz dicalon naib ketua Pemuda

JITRA: Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu semalam mencalonkan anak bekas Perdana Menteri, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir, bagi jawatan Naib Ketua Pemuda Pusat dan mengekalkan Datuk Hishammuddin Hussein sebagai ketua.

Pengerusi Tetap Pemuda bahagian berkenaan, Rosli Omar, mengumumkan Mukhriz memperoleh undi majoriti mengatasi dua calon lain, Khairy Jamaluddin dan Datuk Azimi Daim, selepas 280 perwakilan mengundi secara angkat tangan.

Mukhriz, 40, ketika ditemui berkata, beliau terkejut dengan pencalonan itu kerana hanya memberi tumpuan kepada pertandingan Ketua Pemuda bahagian berkenaan dan Exco Pemuda Pusat.

"Saya berterima kasih terhadap sokongan bahagian tetapi secara peribadi berpendapat jawatan itu (naib ketua) wajar diberikan kepada mereka yang pernah menawar diri untuk bertanding," katanya.

Beliau tidak menamakan ahli Pemuda yang menawarkan diri itu.

Ditanya pendiriannya jika terus mendapat pencalonan bagi jawatan Naib Ketua Pemuda Pusat, Mukhriz berkata: "Saya tidak boleh kata saya akan menolak, tetapi berpendapat jawatan itu wajar diberikan kepada mereka yang pernah menawarkan diri kerana mereka lebih berpengalaman dan membuktikan khidmat kepada Pemuda."

Katanya, beliau akan serba salah untuk menolak jika terus dicalonkan untuk jawatan Naib Ketua dan lebih baik tidak mendapat pencalonan yang mencukupi untuk bertanding jawatan itu.

Beliau juga berkata jawatan itu wajar diberikan kepada pemimpin yang lebih muda daripadanya tetapi berharap akan menerima pencalonan bagi jawatan Exco.

"Saya fikir Datuk Hishammuddin juga mahu penggantinya (sebagai Ketua Pemuda) dapat berkhidmat untuk pergerakan lebih daripada satu penggal.

"Jadi saya fikir jawatan nombor dua perlu diberikan kepada mereka yang lebih muda," katanya.

Sementara itu, Mukhriz gagal dalam percubaannya menjadi Ketua Pemuda bahagian Kubang Pasu selepas tewas kepada Naib Ketua Pemuda bahagian, Zulkifli Ahmad.

Zulkifli mendapat 141 undi, berbanding 132 untuk Mukhriz, manakala lapan undi rosak. Keputusan mesyuarat agung yang diadakan di Dewan Lye Huat, Changloon, diumumkan pengerusi tetap, Rosli Omar jam 12.40 malam tadi.

(END)